

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG – BN ]**

**SOALAN (NO. 28)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang akan digunakan oleh Kementerian dalam menjayakan Hari Sukan Negara yang akan berlangsung pada tahun ini dan apakah pelan tindakan yang bakal dibuat.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang akan digunakan ialah RM 23 juta termasuk pelaksanaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.
2. Hari Sukan Negara akan dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada hari Sabtu minggu kedua pada bulan Oktober setiap tahun.
3. Pelaksanaan Hari Sukan Negara pada tahun ini akan diadakan secara serentak pada 10 Oktober 2015 di semua peringkat kebangsaan, negeri dan daerah yang meliputi peringkat Komuniti, JKKK dan Persatuan Penduduk.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Induk bersama semua kementerian, EXCO Negeri serta SUK Negeri telah dilaksanakan bagi memaklumkan serta membincangkan pelaksanaan HSN di peringkat negeri masing-masing. Susulan daripada itu, semua negeri akan menyelaraskan Jawatankuasa Induk peringkat Negeri masing-masing

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY  
BIN JUSOH [ SETIU ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan rumah mampu milik PR1MA yang telah disediakan oleh Kerajaan setakat ini serta jumlah permohonan yang berjaya berbanding jumlah keseluruhan permohonan.**

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 119,933 unit rumah untuk dibina di seluruh negara. Jumlah unit pembangunan ini sentiasa berubah dan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA diadakan.

PR1MA juga sedang rancak melaksanakan pembinaannya yang meliputi pelbagai tempat strategik di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, PR1MA telah menerima kelulusan bagi Perintah Pembangunan untuk membangunkan 32 projek yang melibatkan 28,363 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,308 unit rumah sedang dalam pembinaan yang terdiri daripada lapan (8) buah projek. Sekiranya lebih banyak Perintah Pembangunan diluluskan, maka lebih banyak projek rumah PR1MA akan memulakan kerja-kerja pembangunannya. Antara projek-projek yang berada dalam pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Perak dan Negeri Sembilan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat jua, secara keseluruhannya Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA sehingga hari ini telah menerima sebanyak 962,581 permohonan rumah PR1MA di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, setakat ini sebanyak 761 unit rumah PR1MA telah selesai menjalani proses undian terbuka kepada pemohon. Projek-projek tersebut ialah projek Nusantara Prima di

pemohon. Projek-projek tersebut ialah projek Nusantara Prima di Nusajaya Johor sebanyak 201 unit dan projek PR1MA di Presint 11, Putrajaya sebanyak 560 unit.

Jumlah pemohon yang berjaya mendapat rumah PR1MA akan meningkat sejajar dengan jumlah projek yang telah dilancarkan dan bersedia untuk melaksanakan proses undian terbuka kelak.

Sekian. Terima kasih.